Kalendar Peristiwa
Februari - Mac 2004

19 Februari 2004
Bank Negara Malaysia, bersama-sama Institut Bank-Bank Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, dan Persatuan Swap dan Derivatif Antarabangsa menganjurkan Seminar Undang-undang Perbankan dan Kewangan 2004. Pada kali ini, seminar tersebut memberi peluang kepada para peserta untuk membincangkan isu perundangan yang berkaitan dengan produk derivatif dan dokumentasi yang berkesan untuk urus niaga derivatif. Topik tahun ini ialah "Penggunaan dan Dokumentasi Derivatif di Kaunter".

25 Februari 2004
Bank Negara Malaysia mengumumkan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 6.4% pada suku keempat tahun 2003. Pertumbuhan tersebut adalah menyeluruh, dengan kesemua komponen industri dan permintaan memberi sumbangan yang positif. Pada keseluruhan tahun, kombinasi permintaan dalam negeri dan peningkatan eksport yang lebih kukuh menghasilkan pertumbuhan KDNK yang melebihi jangkaan sebanyak 5.2% bagi tahun 2003.

Pernyataan Dasar Monetari memaklumkan prestasi ekonomi yang kukuh dicatat dalam suasana kadar inflasi yang rendah. Oleh yang demikian, dasar monetari kekal akomodatif untuk terus membantu pertumbuhan.

26 Februari 2004
Bank Negara Malaysia mengumumkan terbitan kedua Bon Simpanan Merdeka berjumlah RM300 juta yang diterbitkan pada 1 April 2004. Bon tersebut merupakan instrumen tabungan tambahan kepada warga emas dan anggota Angkatan Tentera Malaysia yang sedang dalam persaraan. Berikutan permintaan yang tinggi, saiz bon tersebut dinaikkan kepada RM500 juta.

26 Mac 2004
Bank Negara Malaysia mengeluarkan Laporan Tahunan 2003 yang memberi analisis perkembangan ekonomi dan monetari bagi tahun 2003, serta prospek ekonomi negara bagi tahun 2004. Ia juga mengandungi Akaun Tahunan Bank pada akhir tahun 2003.

26 Mac 2004
Bank Negara Malaysia mengumumkan liberalisasi seterusnya peraturan pentadbiran pertukaran asing, berkuat kuasa 1 April 2004. Ia merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Bank bagi merancakkan suasana perniagaan dan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kawalselia. Pengubahsuaian peraturan sedia ada juga membantu meluaskan pasaran modal dan mempelbagaikan opsyen pengurusan risiko kepada pemastautin menguruskan pelaburan mereka.